

# Mengubah persepsi rasuah belenggu penjawat awam

BH - 25/1/2017 ms. 11

Baru-baru ini banyak tohmahan dilemparkan kepada penjawat awam berkaitan dengan isu rasuah yang semakin menjadi-jadi, antaranya kes penangkapan dan pendakwaan beberapa pegawai atasan dalam perkhidmatan awam. Hakikatnya penangkapan itu memberi kesan yang buruk kepada imej perkhidmatan awam yang diamanahkan untuk memikul kepercayaan rakyat.

Bak kata pepatah 'disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga'. Untuk meniadakan apa yang berlaku terhadap pandangan negatif masyarakat adalah amat sukar. Bagaimanapun, penulis ingin beri satu persepsi berbeza dalam menilai perkara ini dengan lebih adil dan saksama.

Sistem sedia ada yang bertujuan meningkatkan tahap integriti perkhidmatan awam sememangnya diakui keberkesanannya dan diamalkan oleh negara maju. Sebagai contoh bagi memastikan akauntabiliti terus dipraktikkan, proses kewangan dan perolehan diperhalusi supaya semua proses kerjanya mempunyai aspek 'check and balance' pada semua peringkat.

## Wujudkan jabatan baru pantau salah laku

Seterusnya, proses ini juga dilengkapi dengan 'audit trail' supaya pihak audit dapat mengesan sekiranya berlaku sebarang salah laku sama ada dibuat secara sengaja atau tidak. Untuk tujuan ini pelbagai jawatan diluluskan oleh kerajaan, termasuk Akauntan Negara, Audit Negara dan baru-baru ini diwujudkan pula jawatan Pegawai Integriti yang ditempatkan di setiap kementerian atau agensi. Ia bertujuan memastikan proses pemantauan lebih kukuh dapat dilaksanakan dalam memerangi salah laku rasuah.

Secara prosesnya, pelbagai agensi turut terbabit dalam melaksanakan proses pencegahan, pembetulan dan hukuman atau punitif untuk memastikan ketelusan terus ditingkatkan. Antara pihak yang menjalankan proses pengauditan, termasuk pihak audit dalaman jabatan ataupun kementerian itu sendiri dan audit luaran oleh pihak Audit Negara serta Akauntan Negara. Tindakan surcaj oleh Kementerian Ke-

wangan pula turut akan dikenakan sebagai satu kaedah punitif kepada mereka yang melakukan kesalahan.

## Dasar pusingan kerja

Selain itu, bagi tugas dianggap sensitif dan berisiko tinggi, kerajaan juga melaksanakan dasar pusingan kerja terhadap penjawat awam yang memegang jawatan sensitif ini agar seseorang pegawai itu tidak dapat memanipulasi kedudukannya sebagai kuasa pelulus dalam transaksi yang cenderung untuk menerima suapan.

Pada peringkat perundangan juga, kerajaan meluluskan beberapa pindaan akta dan undang-undang agar hukuman lebih berat dapat dikenakan terhadap pesalah yang terbukti menerima rasuah. Di samping itu juga, perlindungan kepada *whistleblower* turut disediakan bagi memastikan golongan ini dilindungi daripada sebarang ancaman.

Selain itu, dalam aspek penerapan nilai murni dan pembelajaran berterusan, kerajaan menubuhkan Institut Integriti Malaysia yang bertujuan memastikan penjawat awam terus berada di landasan kukuh dan mempunyai nilai akauntabiliti dan integriti yang setara dengan negara lain seperti Jepun, Singapura dan Switzerland yang mana mempunyai indeks akauntabiliti yang tertinggi.

Di samping itu, kerajaan juga memperkasakan beberapa agensi penguatkuasaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (dahulu dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah) dan juga Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) yang memantau kes salah laku rasuah, termasuk juga anggota penguatkuasaan. Pada peringkat persatuan pula, kerajaan membuka ruang dan bekerjasama dengan agensi transparansi antarabangsa serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain seperti The Centre to Combat Corruption & Cronyism' (C4 consultancies untuk menerapkan budaya dan amalan sifat integriti yang tinggi.

Pada peringkat nasional, kerajaan meletakkan isu rasuah sebagai teras utama National Key Result Area (NKRA) bagi memastikan gejala ini dapat diha-

puskan. Pada peringkat antara-bangsa pula, Malaysia komited dengan menandatangani Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menangani rasuah yang berkuat kuasa pada 24 Oktober 2008. Malaysia juga menjadi anggota ADB/OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and The Pacific, South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC), Asia Pacific Economic Corporation (APEC), Anti-Corruption and Transparency Working Group, The International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA) dan The International Anti-Corruption Academy (IACA).

## Kerajaan banteras rasuah

Melihat kepada usaha dan pembabitan serius kerajaan, ini bermakna sistem yang padu bagi membendung gejala rasuah memang sekian lama wujud dan dilaksanakan. Justeru itu, apakah punca salah laku seumpama ini masih berlaku? Persoalan sebenarnya, jika sistem sedia ada yang dianggap mantap atau setara dengan negara maju dilaksanakan, agama, sivik dan moral turut diterapkan, penguatkuasaan dan undang-undang diperketatkan, maka apakah yang menjadi punca sebenar segelintir penjawat awam masih bergelut dalam gejala rasuah?

Tidak lain dan tidak bukan adalah kerana sifat tamak, mementingkan diri sendiri dan mahukan kemewahan segera dengan mudah. Seseorang yang diselubungi dengan sifat tamak akan mula memanipulasi sistem sedia ada, lalu menjerat dan menekan mereka yang bekerja di bawahnya untuk mengikut telunjuk dan bersekongkol dengannya. Kepada yang jujur serta enggan bersubahat untuk menerima suapan, difahamkan wujud kes pegawai atau kakitangan yang dipulau dan ditindas sehingga ditukarkan ke agensi yang lain, seolah-olah kelihatan seperti mereka melakukan kesalahan yang besar. Inilah hakikatnya yang berlaku apabila seseorang itu diselubungi dengan sifat tamak haloba dan tidak sedar akan bala yang akan menimpa mereka seperti kisah teladan *Nakhoda yang Tamak* yang

mana akibat ketamakan mereka, akhirnya mendapat pembalasan yang tidak terkira.

Oleh itu, sudah tiba masanya untuk perkara ini diperhalusi supaya masyarakat dapat mengubah persepsi berkaitan isu rasuah dalam kalangan penjawat awam. Tidak adil sekiranya kita membiarkan susu sebelanga dirosakkan oleh setitik nila. Sewajarnya masyarakat perlu melihat isu ini secara *compartmentalize perception*, iaitu menilai sesuatu isu secara lebih khusus dan fokus.

Ini bermakna, sewajarnya kita harus melihat kepada sifat ketamakan individu yang terbabit dan membuat penilaian hanya menjurus kepada individu itu sahaja tanpa merangkumkannya atau dalam erti kata lain 'generalize' kepada seluruh penjawat awam lain yang tidak bersalah. Jika segalanya dirangkumkan bersekali dengan tohmahan kes rasuah sebelum ini, maka persepsi kita seolah-olah tidak menggambarkan majoriti penjawat awam yang sebenar-benarnya memegang teguh prinsip akauntabiliti dan integriti dalam menjalankan tugas dan amanah yang diberikan.

## Rasional tangani rasuah

Oleh itu, masyarakat perlu menilai isu ini dengan lebih rasional, *compartmentalize* kepada isu yang spesifik dan individu yang terbabit tanpa menjejaskan imej sebilangan besar penjawat awam yang benar-benar ikhlas, jujur dan amanah dalam menabur bakti kepada masyarakat.

Sesungguhnya ramai penjawat awam terkilan kerana dilabelkan sedemikian rupa walaupun mereka tidak langsung terbabit dalam salah laku. Mereka ini mungkin abang, adik, kakak malah ibu atau bapa di dalam masyarakat yang menjadi penjawat awam turut berasa tempiasnya apabila tohmahan yang dilemparkan seolah-olah menggambarkan imej perkhidmatan awam secara keseluruhan. Berilah peluang untuk mereka ini mendabik dada, berasa bangga dengan perkhidmatan yang jujur serta ikhlas yang diberikan tanpa merasa malu atau hina disebabkan kesalahan satu atau beberapa individu dalam gejala rasuah perkhidmatan awam ini.

## Komentari



**Shahbudin Embun**

Ahli Jawatankuasa Teraju Majlis Perundangan Melayu Malaysia